

PENGAJARAN BAHASA UNTUK TUJUAN KOMUNIKASI

Ab. Halim Mohamad

ABSTRAK

Antara masalah dalam pengajaran bahasa untuk tujuan komunikasi ialah ketiadaan buku teks yang memenuhi ciri-ciri sebuah buku teks komunikasi sebenar yang boleh membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran komunikasi. Buku teks komunikasi yang baik sentiasa menekankan bentuk laras bahasa komunikasi dan diajar dalam konteks komunikasi melalui aktiviti yang sesuai dengan kehidupan dan kehendak pelajar. Buku teks bahasa Arab komunikasi yang baik sentiasa menekankan kecekapan asas kemahiran komunikasi, tujuan komunikasi, tajuk komunikasi, tempat komunikasi, laras bahasa komunikasi, dan bentuk aktiviti komunikasi. Kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan aspek dan tujuan komunikasi, laras bahasa komunikasi dan bentuk aktiviti komunikasi yang perlu ditekankan dalam pengajaran bahasa untuk tujuan komunikasi. Kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh penggubal kurikulum dan penyusun buku teks dalam usaha yang berterusan untuk melahirkan sebuah buku pengajaran bahasa komunikasi yang lebih mantap dan berkesan.

Kata kunci: pengajaran bahasa, tujuan komunikasi, laras bahasa, aktiviti pengajaran, buku teks

TEACHING LANGUAGE FOR COMMUNICATION PURPOSES

ABSTRACT

One of the problems in teaching language for communication purposes is the lack of textbooks that meet the characteristics of a real communication textbook that can help students improve their communication skills. Good communication textbooks always emphasize the style form of communication language and are taught in the context of communication through activities that fit students' lives and needs. Good Arabic language textbooks always emphasize the basic competencies of communication skills, communication objectives, communication headlines, communication venues, communication language styles, and forms of communication activities. This paper aims to describe aspects and purposes of communication, language communication and forms of communication that need to be emphasized in language teaching for communication

purposes. It is hoped that this study will be used by curriculum designers and textbook designers in an ongoing effort to produce a more robust and effective communication language textbook.

Keywords: teaching language, communication purposes, language style, teaching activities, textbook.

PENDAHULUAN

Komunikasi ialah hubungan yang wujud antara manusia melalui media bahasa dan juga media lain. Dalam komunikasi melalui bahasa, orang berkomunikasi dalam perbualan dan juga melalui bahasa tertulis (Asmah Omar, 1989: 61). Komunikasi antara manusia merupakan aktiviti perseorangan dan perkumpulan. Aktiviti perseorangan bermula dengan idea daripada penutur yang dipindahkan melalui kaedah komunikasi kepada penerima dan akhirnya terjadi proses komunikasi secara perkumpulan (Ta'imah, 1989: 13; t.th: 30). Komunikasi juga merupakan proses yang saling berkaitan yang melibatkan empat pembentuk asas, iaitu perutusan, penghantar, cara, dan penerima (Ta'imah 2006: 158). Canale (1983:4) menyifatkan komunikasi sebagai "*exchange and negotiation of information between at least two individuals through the use of verbal and non-verbal symbols, oral and written visual models, and production and comprehension processes*".

Komunikasi sering dikaitkan dengan pertuturan. Ta'imah menyatakan bahawa pertuturan merupakan aktiviti asas bagi aktiviti komunikasi antara manusia. Ia merupakan sebahagian daripada proses komunikasi lisan. Perbincangan mengenai pertuturan mencakupi sebutan huruf, perbualan dan susunan percakapan lisan (Rusydi Ahmad Ta'imah, 2006: 186). Pertuturan merupakan aktiviti komunikasi yang berlaku antara dua individu yang saling bertukar peranan. Seorang individu bertindak sebagai penutur kemudian bertindak pula sebagai pendengar pada ketika yang lain dan begitulah sebaliknya. Dalam menyampaikan maksud, pastinya penutur menggunakan perkataan, frasa, ayat dan bahasa paralinguistik. Bahasa paralinguistik ini mencakupi isyarat, anggukan, gerakan anggota badan, perubahan pada wajah (واللمحات) dan lain-lain untuk tujuan penyampaian *massage* atau sesuatu maksud (Ibid: 186).

Widdowsoon membezakan antara kecekapan bercakap dan komunikasi. Kecekapan bercakap merupakan keupayaan menggunakan bahasa yang betul, manakala kecekapan komunikasi

merupakan keupayaan menggunakan bahasa yang sesuai mengikut konteks. Komunikasi berbeza dengan pertuturan kerana ia mencakupi lafaz perkataan dan bahasa paralinguistik (Ta'imah, 2006: 186). Abdul Hamid pula menegaskan bahawa pertuturan dalam maksud yang ringkas merujuk kepada penggunaan bahasa sesaorang untuk tujuan menyampaikan sesuatu *massage* (risalah) melalui organ pertuturan (2005: 40).

Kesimpulannya, walaupun berbeza antara pertuturan dan komunikasi tetapi kedua-dua istilah tersebut mempunyai banyak ciri persamaan. Antaranya ialah penggunaan bahasa melalui organ pertuturan yang sama dan untuk tujuan yang sama. Dalam konteks pengajaran bahasa untuk tujuan komunikasi, pelajar diajar menggunakan bahasa yang betul dari segi tatabahasa, sebutan dan konteks. Ia juga bermaksud mengajar kemahiran bertutur dan mendengar supaya pelajar dapat berkomunikasi dengan baik. Dalam erti kata lain, supaya pelajar dapat memahami pertanyaan dan menjawabnya dengan betul.

Kecekapan Asas dalam Kemahiran Komunikasi (Bercakap dan Mendengar)

Kemahiran komunikasi bukan sahaja terletak pada keupayaan membentuk ayat secara gramatik, tetapi berupaya menggunakan bahasa itu dalam konteks sosial, wacana dan strategi dengan betul (Canale, 1983: 1; Ta'imah, 2006: 174). Menurut Nessa (1983: 61) pula, kemahiran komunikasi bukan sahaja menuntut supaya mahir dalam tatabahasa dan kosa kata, tetapi juga mahir dalam peraturan bertutur. Sebagai contoh, penutur perlu tahu waktu yang sesuai untuk memulakan percakapan, apa tajuk yang sesuai, dan bagaimana memulakannya. Rusydi Ta'imah (2004: 69) berpendapat bahawa kemahiran bercakap dan mendengar menumpukan perhatian kepada kecekapan berikut:

1. Keupayaan pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam pertukaran pendapat khususnya bersama guru dalam kelas.
2. Keupayaan mengajukan soalan serta menjawab dalam gaya bahasa yang kemas dan gramatis, serta dapat mengikuti taklimat lisan secara teliti.
3. Keupayaan mengenalpasti idea utama dan sampingan dalam kuliah dan perbahasan serta mencatatkannya dengan teliti.
4. Keupayaan menggambarkan idea dan mengembangkannya sebagai tajuk perbualan tertentu dalam kumpulan tertentu.

5. Keupayaan memilih dan menyusun idea yang berkaitan dengan tajuk perbualan.
6. Keupayaan mengemukakan idea dengan jelas dan dengan bahasa yang betul.
7. Berupaya mempelbagaikan gaya bahasa pertuturan sesuai dengan situasi yang berbeza.

Tujuan Komunikasi

Komunikasi mempunyai banyak tujuan. Antara tujuan komunikasi ialah, membentuk hubungan sosial, memberi respond terhadap sesuatu perkara, menyembunyikan niat dan perasaan, meminta dan memberi maklumat, mengajar melakukan sesuatu, perbualan melalui telefon, menyelesaikan masalah, membincang sesuatu idea, permainan bahasa, memainkan peranan kemasyarakatan, mengembirakan perasaan orang lain dan lain-lain (River dan Temperley, 1978: 47). Ta'imah pula menyenaraikan tujuh aspek komunikasi yang dinamakan fungsi komunikasi bahasa iaitu, faedah, pengurusan, tindak balas, individu, penyelidikan, khayalan dan penerangan (2001: 46-47). Secara ringkasnya tujuan komunikasi dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Mengucapkan tahniah
2. Memberi ucapan
3. Bertanya khabar
4. Meminta penjelasan
5. Menerangkan keadaan
6. Memohon bantuan
7. Malahirkan perasaan; cinta, suka, duka cita, kagum, minat, benci dan lain-lain.

Tajuk komunikasi

Dalam komunikasi manusia berbincang tentang banyak perkara. Keseluruhan kehidupannya boleh dijadikan tajuk perbualan dalam hubungan sesama mereka. Antara tajuk perbualan yang sering didapati dalam buku-buku pelajaran bahasa komunikasi seperti berikut:

1. Perbualan tentang hobi.
2. Tentang permainan.
3. Tentang peperiksaan.
4. Tentang makanan.
5. Tentang musafir atau *rihlah*.
6. Tentang pelancungan.
7. Tentang penziarahan.
8. Tentang nyayian.

9. Tentang pekerjaan.
10. Tentang ekonomi.
11. Tentang sesuatu keadaan; cuaca, keamanan, kelancaran trafik , politik, peluang pekerjaan, kesihatan, kesakitan dan lain-lain.

Tempat komunikasi

Komunikasi boleh berlaku di mana-mana sahaja. Biasanya tempat yang menjadi pilihan bagi teks perbualan dalam buku-buku pengajaran bahasa seperti berikut:

1. Kantin.
2. Pepustakaan.
3. Bilik darjah, bilik guru atau dewan kuliah.
4. Perhentian bas, kereta api, teksi dan lain-lain.
5. Lapangan terbang.
6. Kedai buku.
7. Masjid atau musalla.
8. Tempat kenduri .
9. Melalui telefon.
10. Majlis keramaian.
11. Balai polis.
12. Kaunter tiket, pembayaran, pertanyaan dan lain-lain.

Laras bahasa

Laras bahasa boleh ditakrifkan sebagai ciri-ciri khusus penggunaan bahasa mengikut bidang sesuatu wacana digunakan. Ia juga diertikan sebagai gaya atau cara menggunakan sesuatu bahasa dalam sesuatu situasi. Laras akan sentiasa berubah-ubah berdasarkan fungsi dan keadaan. Di samping itu, setiap laras menitikberatkan pilihan kata atau istilah dan menggunakan struktur ayat yang berlainan mengikut disiplin atau bidang tertentu. Laras bahasa pertanyaan yang digunakan dalam bahasa Arab komunikasi sangat banyak dan berbeza dari individu dengan yang lain. Antara yang sering digunakan seperti berikut:

Jadual (1): Contoh Laras Bahasa Pertanyaan

Bil.	Laras bahasa pertanyaan	Bil.	Laras bahasa pertanyaan
1	كيف حالك؟ كيف صحتك...؟ كيف تشعر الآن..؟	10	كيف تذهب...؟
2	لو سمحت، كم عمرك الآن؟	11	أين أحصل على...؟ أين أجده الآن..؟
3	أين تعمل/ أين يعمل أبوك؟	12	ما رأيك...؟ ما الفرق بين...؟
4	ماذا تعمل/ ماذا يعمل أبوك؟	13	في أية ساعة...؟

5	ماذا تفضل أن..؟	14	في أي يوم...؟ أي يوم هذا اليوم؟
6	كيف تقضي..؟	15	أين كنت...؟ أين مكان...؟ أين الطريق إلى...؟
7	كيف أتيت..؟ كيف حضرت..؟	16	لماذا لم تحضر...؟ لماذا لا تحمل معك...؟
8	هل تعرف...؟ هل تسمح لي...؟	17	كم ثمن...؟ كم ريالاً..؟ كم عدد...؟
9	من معك يا..؟ مع من ستحضر..؟	18	ماذا سيكون...؟ ما سيحدث...؟

Dalam laras bahasa pertanyaan biasanya penutur pertama menggukan pembuka kata yang beradab yang boleh menarik pendengar (penutur 2) sebelum pertanyaan dikemukakan. Bentuk kata pembuka yang perlu digunakan berdasarkan siapa penutur kedua itu. Antara kata pembuka kata yang sering digunakan seperti:

لو سمحت، من فضلك، يا سيد، هل بإمكانني أن، هل ممكن أن، هل أستطيع أن، هل لدي، هل لديك، عفوا، هل أزعجك، بعد إذنك، حضرتك،

Laras bahasa ucapan (greeting) pula biasanya bermula sebelum bercakap dan selepas berakhirnya percakapan dan apabila hendak berpisah. Antaranya berbentuk seperti berikut:

Jadual (2): Laras bahasa ucapan (greeting)

Bil.		Bil.	
1	أهلا وسهلا ومرحبا بك	12	إلى اللقاء/ إلى أن نلتقي في...
2	هنينا لك يا.../ تهنئة لك..	13	مع السلامة/ بالسلامة إن شاء الله
3	مبروك عليك	14	بكل سرور/ بكل سعادة/ بكل فرح
4	من فضلك	15	سَلِّمْ على..
5	الله يرحمه/ الله يرحمك	16	متأسف جدا
6	الله يفتح عليك يا..	17	عام مبارك
7	عيد سعيد/ عيد مبارك	18	كل عام وأنتم بخير
8	الله يطول عمرك/ الله يساعدك..	19	الله يحفظك يا..
9	الله يهديك..	20	في أمان الله
10	صباح الخير	21	تُصبح على خير
11	صباح النور	22	مساء الخير

Contoh ketiga, ialah laras bahasa perbualan atau komunikasi di kantin. Orang berkemunikasi di kantin biasanya soal jenis makanan dan harga makanan. Komunikasi ini biasanya melibatkan antara pekerja dan pelanggan, atau antara pelanggan dan *cashier* di kaunter bayaran, dan juga antara beberapa individu yang makan semeja. Oleh itu perbendaharaan dan struktur ayat yang sentiasa digunakan ialah seperti dalam jadual (3) di bawah:

Jadual (3): Laras bahasa perbualan di Kantin

Bil.		Bil.	نموذج اسلوب اتصالي في المطعم
1	ماذا تحب أن تأكل؟	12	ادفع عند الصراف
2	ما تحب أن تشرب؟	13	الجرثوم: حاضر يا سيد..
3	لدينا مشروبات مثل...	14	لو سمحت، هات نصف الدجاج المشوي
4	لدينا الأرز..	15	احسب هذا يا سيد
5	الدجاج المشوي	16	تأكل على حسابي..
6	السعر مناسب ..	17	الحمد لله، شبعت/ أنا شبعان، شكرا
7	طعمه لذيذ	18	الفاطورة، يا سيد، لو سمحت
8	ماذا تطلب..	19	كأس من الشاي
9	هل طلبت الأكل يا سيد؟	20	الشاي بالحليب
10	حاضر يا سيد، بعد خمس دقائق	21	أفضل الماء الساخن
11	جاهز بعد خمس دقائق ..	22	كيف الأكل؟ هل يُعجبك؟

Bentuk Aktiviti Komunikasi

Dalam melahirkan pelajar yang mahir dalam komunikasi bahasa Arab, beberapa aktiviti lisan boleh diterapkan dalam pengajaran bahasa Arab komunikasi. Kamarudin Husin (1990, 96- 198) telah menghurai 17 bentuk aktiviti lisan, iaitu aktiviti berbual, bercakap, menyanyi, bercerita, bercakap melalui telefon, berlakon, berbincang, bertemuramah, menyampaikan berita, menyampaikan laporan, berucap, bersyarah, berpuisi, bermesyuarat, berbahas, permainan bahasa dan aktiviti berasaskan Radio dan TV pendidikan.

Latihan lisan dan bertulis memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pengajaran bahasa Arab komunikasi. Tanpa latihan yang cukup objektif pengajaran bahasa untuk komunikasi tidak akan tercapai. Hal ini ditegaskan oleh Raji Ramuni (1980: 159) bahawa latihan lisan dan bertulis atau dipanggil juga dengan latihan komunikasi (communicative practice) dapat memberi hasil yang memuaskan dalam pengukuhan kemahiran bahasa sama ada ke atas frasa-frasa baru, dan keupayaan membaca dan menulis.

KESIMPULAN

Dalam membentuk kurikulum bahasa Arab untuk tujuan komunikasi dan melahirkan buku teks komunikasi yang berkesan, beberapa aspek perlu diteliti dan dikenalpasti supaya objektif pengajaran bahasa Arab untuk tujuan komunikasi tercapai. Aspek yang dimaksudkan itu mencakupi perkara berikut:

- 1) Kecekapan asas kemahiran komunikasi
- 2) Tujuan komunikasi

- 3) Tajuk komunikasi
- 4) Tempat komunikasi
- 5) Laras bahasa komunikasi
- 6) Bentuk aktiviti komunikasi

Kelemahan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah disebabkan oleh kelemahan kurikulum dalam menterjemahkan enam aspek di atas dalam buku teks pengajaran bahasa Arab. Akibat daripada kelemahan dalam memahami dan menterjemahkan aspek diatas, didapati pelajar yang mempelajari bahasa Arab tidak dapat berkemunikasi dengan baik walaupun dalam laras bahasa komunikasi yang mudah.

RUJUKAN:

- Al-Syed Abdul Hamid Sulayman al-Syed. (2005). *Su'ubat fahm al-lughah, mahiyatuha wa istiratijiyatuha*: Kaherah: dar al-Fikr al-Arabi.
- Asmah Haji Omar. (1989). Pengajaran bahasa untuk kemahiran komunikasi: Pendekatan wacana. Dlm. Asmah Haji Omar (eds.). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddi Haji Husin. (1990). *Pengajaran dan pengajaran lisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raji Mahmud Ramuni. (1980). *Tariqah tadrif al-muwahhadah: mafhumuha wa dawruha fi tadrif al-lughah al-Arabiyyah li-ghay al-natiqina biha*. Riyadh: Universiti Riyadh Press.
- Rivers, W. & M. Temperly. (1978). *Teaching of English as a second or foreign language*. New York: Oxford University Press.
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (2004). *al-Usus al-amah li-manahij ta'lim al-lughah al-arabiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arab.
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (1989). *Ta'lim al-lughah al-Arabiyyah li ghay al-natiqinabiha: manahijuhu wa asalibuhu*. Rabiyyah al-Munazzamah al-Islamiyyah al-tarbiyah wa al-'ulum wa al-thaqafah (ISESCO).
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (2001). *Manahij ta'lim al-lughah al-Arabiyyah bi-al-ta'lim al-asasi*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ta'imah, Rusydi Ahmad. (2006). *Al-maharah al-lughawiyyah: mustawiyatuha tadrifuha su'ubatuha*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Wolfson, Nessa. (1983). Rules of speaking. Dlm. *Languages and Communication*. Jack C. Richards & Richard W. Schmidt (eds.). London: Logman Group Limited.

Ab. Halim Mohamad
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
E-mail: abhalim@upm.edu.my